

# UTHM juara keseluruhan perhimpunan Sispa

BATU PAHAT 27 Ogos - Berusaha berlatih tanpa mengenal erti penat oleh anggota Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Sispa) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) selama sebulan menghasilkan pulangan berbaloi apabila pasukan itu diumumkan sebagai johan keseluruhan Perhimpunan Kebangsaan Sispa kali ke-4 tahun ini UTHM di sini hari ini.

Lebih manis, Kor Sispa UTHM berjaya mengekalkan statusnya sebagai juara pada perhimpunan yang berlangsung di universiti berkenaan kali ini.

Pegawaiannya, Kapten Bersekutu Pertahanan Awam (PA) Ahmad Khirul Nizam Ali berkata, dia tidak menyangka pasukannya mampu mengekalkan gelaran johan pada tahun lalu kerana menerima saingan hebat dalam pelbagai pertandingan pada tahun ini.

Menurutnya, walaupun Kor Sispa UTHM berhasrat untuk muncul johan tahun ini kerana berbekalkan kelebihan di tempat sendiri, namun mereka perlu menghormati pasukan lawan yang tidak kurang hebatnya.

"Saya kagum dengan semangat 54 anggota Kor Sispa UTHM, mereka berusaha bersungguh-sungguh de-



**ANGGOTA kadet Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Sispa) UTHM meraikan kejayaan selepas dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan pertandingan kemahiran pada majlis penutupan rasmi Perhimpunan Kebangsaan Sispa Institut Pengajian Tinggi Kali Keempat 2013 di Padang Kawat UTHM di Batu Pahat, Johor, semalam. - BERNAMA**

ngan penuh yakin dan bersemangat dalam latihan sehingga ke hari pertandingan.

"Sehinggakan pada bulan puasa (Ramadan) juga mereka sanggup berlatih hampir setiap hari untuk menjadi memastikan UTHM tidak dimalukan oleh kor pelawat," katanya ketika ditemui selepas majlis Penutupan dan Perasmian Pentauhan dan Perhimpunan Kebang-

saan Kor Sispa ke-4, di Padang Kawad UTHM.

Seorang anggota pasukan itu, **Siti Fatimah Azman** berkata, selepas menjulang piala pusingan pada hari ini, Kor Sispa UTHM kini berhasrat untuk muncul sebagai universiti pertama yang merangkul gelaran 'treble' pada perhimpunan tahun depan.

Katanya, tidak mustahil kejayaan berkenaan mampu diulangi jika se-

tiap anggota Sispa UTHM bekerja keras sebagaimana yang dilakukan pada tahun ini, selain itu kami perlu menanam minat yang tinggi di kalangan anggota.

"Kejayaan yang kita raikan pada kali ini perlu dipandang tinggi, dan kami perlu mengulanginya lagi, sekurang-kurangnya setiap pasukan atau Kor Sispa setiap institusi akan memandang tinggi pada kami."